



- 1 Rajah 1 berikut menunjukkan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.



Rajah 1

Apakah X?

- A Kedaulatan
 - B Perlembagaan
 - C Undang-undang
 - D Lambang kebesaran
- 2 Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka mendapatkan wilayah pengaruh berikut?



- A Naungan
 - B Taklukan
 - C Perdagangan
 - D Perkahwinan
- 3 Gerakan nasionalisme di Thailand berbeza dengan negara-negara lain di Asia Tenggara. Apakah tujuan gerakan nasionalisme di Thailand?
- A Mengukuhkan kedaulatan negara
 - B Menentang sekularisme kuasa Barat
 - C Menghapuskan penjajahan kuasa asing
 - D Mengekalkan sistem raja berkuasa mutlak

- 4 Gambar 1 ialah Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) iaitu seorang tokoh nasionalis di Tanah Melayu pada abad ke-20.



Gambar 1

Bagaimanakah beliau menyebarkan idea nasionalisme ?

- 1 Menggunakan akhbar
 - II Menulis karya kreatif
 - III Membentuk parti politik
 - IV Membangunkan madrasah
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 5 Antara berikut yang manakah faktor Perang Dunia Pertama?
- I Kemunculan ideologi baharu
 - II Krisis rantau Balkan
 - III Pakatan ketenteraan
 - IV Kegagalan Liga Bangsa
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 6 Maklumat berikut merujuk kepada rundingan yang diadakan selepas kekalahan Jepun di Tanah Melayu.

Tarikh	Wakil	Lokasi
Ogos 1945	• Dato' Onn Jaafar • Kiai Salleh • Ketua Bintang Tiga	Dewan Perniagaan Cina Batu Pahat, Johor

Apakah kesan daripada usaha tersebut?

- A Mengembalikan keamanan
 B Mengeratkan hubungan antara kaum
 C Mengiktiraf kewibawaan pemimpin Melayu
 D Mengukuhkan kerjasama dalam pentadbiran
- 7 Mengapakah British memperkenalkan pentadbiran berikut di Tanah Melayu?

British Military Administration (BMA)

- A Memajukan Tanah Melayu
 B Menjamin ekonomi mereka
 C Mengelakkan pengaruh luar
 D Memulihkan kepercayaan rakyat
- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.

Tarikh	Peristiwa
1 Julai 1946	Sarawak diserahkan kepada kerajaan British

Apakah kesan daripada penyerahan tersebut kepada negeri Sarawak?

- A Memelihara kedaulatan
 B Menjadi tanah jajahan British
 C Menerima naungan kuasa Barat
 D Mewujudkan pemerintahan republik
- 9 Apakah faktor yang menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Penentangan orang Melayu
 B Menghalang desakan orang dagang
 C Memenuhi tuntutan golongan radikal
 D Kemasukan berterusan kaum imigran

- 10 Maklumat berikut berkaitan syarat kewarganegaraan mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Nama	: Wong Ah Meng
Tarikh lahir	: 16 November 1948
Tempat lahir	: Melaka Tengah, Melaka

Apakah status kewarganegaraan beliau?

- A Rakyat British
 - B Rakyat Dagang
 - C Rakyat Raja Melayu
 - D Rakyat Malayan Union
- 11 Gambar 2 berikut adalah anggota pasukan Sarawak Rangers.



Gambar 2

Bagaimanakah pasukan tersebut membantu dalam usaha membanteras komunis?

- A Membuat risikan dan menyamar sebagai komunis
 - B Mengawal ladang dan kawasan lombong
 - C Menyekat bekalan makanan dan ubatan
 - D Menjejak persembunyian komunis
- 12 Pada zaman darurat, tanaman padi dan makanan lain semakin berkurangan di Tanah Melayu.
Apakah kesan situasi tersebut?
- A Pertambahan buruh asing
 - B Peningkatan harga barang
 - C Pengawalan barangan import
 - D Perkembangan tanaman dagangan
- 13 Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1951?
- A Melindungi institusi beraja
 - B Melaksanakan pendidikan sekular
 - C Memperkenalkan kurikulum baharu
 - D Melatih penduduk berkerajaan sendiri

- 14 Mengapakah Jawatankuasa Pelajaran 1956 dapat memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat di Tanah Melayu?
- A Sistem pendidikan percuma
 - B Persekolahan mengikut aliran
 - C Kurikulum bercorak kebangsaan
 - D Memperkasakan sekolah venakular
- 15 Pasangan manakah yang betul tentang syarat untuk menjadi pengundi dan syarat untuk menjadi calon Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

	Syarat Menjadi Pengundi	Syarat Menjadi Calon
A	Rakyat British dan warganegara	Berumur 21 tahun ke atas
B	Berumur 21 tahun ke atas	Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
C	Bermastautin di Tanah Melayu	Tinggal dalam tempoh enam bulan di Tanah Melayu
D	Berpengetahuan dalam bahasa Melayu	Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris

- 16 Gambar 3 berikut adalah barisan kabinet pertama Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu 1955.



Gambar 3

Apakah peranan kabinet tersebut?

- I Menggubal perlembagaan negara yang merdeka
 - II Membincangkan isu keselamatan dalam negeri
 - III Meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan
 - IV Membincangkan soal kewarganegaraan dan dasar luar negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


- 17 Antara berikut, yang manakah merupakan Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan 1956?
- I Kedudukan Raja Melayu dipelihara
 - II Kewarganegaraan kepada sesiapa sahaja
 - III Kepatuhan rakyat kepada amalan demokrasi berparlimen
 - IV Keistimewaan orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 18 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani pada 5 Ogos 1957. Mengapakah perjanjian ini penting kepada negara kita pada masa kini?
- A Menjaga kedaulatan negara
 - B Menunjukkan permuafakatan
 - C Menjadi asas perlembagaan negara
 - D Mengukuhkan kedudukan pemimpin
- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan penyertaan negara kita dalam pertubuhan antarabangsa.

17 September 1957	Persekutuan Tanah Melayu diterima sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
-------------------	--

Apakah bukti kemerdekaan negara kita diiktiraf oleh pertubuhan tersebut?

- A Bantuan memerangi ancaman komunis
- B Terlibat dalam misi pasukan pengaman
- C Sumbangan membuka petempatan baharu
- D Bantuan teknikal dalam bidang pentadbiran

20 Gambar 4 berikut merupakan lambang-lambang negara Malaysia.



Gambar 4

Mengapakah lambang-lambang di atas dibentuk sebelum pengisytiharan kemerdekaan negara?

- A Membuktikan kegigihan
- B Lambang keagungan
- C Simbol kegemilangan
- D Identiti kenegaraan

21 Kedaulatan boleh ditakrifkan mengikut bahasa.

Sumber	Perkataan
Bahasa Inggeris	Sovereignty
Bahasa Yunani	Superanus

Berdasarkan takrifan dari sudut bahasa, apakah yang boleh dimaksudkan dengan kedaulatan dalam bahasa Inggeris?

- A Kuasa penuh negara
- B Kuasa negara merdeka
- C Kuasa tertinggi pemerintah
- D Kuasa penuh pemerintahan

22 Senarai berikut berkaitan dengan pelaksanaan dasar sosial bagi memperkukuhkan kesejahteraan negara.

- Bahasa Kebangsaan
- Rukun Negara


Apakah matlamat yang hendak dicapai melalui dasar tersebut?

- A Pengukuhan politik
- B Pemantapan ekonomi
- C Pemupukan perpaduan
- D Pembasmian kemiskinan

- 23 Pasangan manakah yang betul berkaitan badan dan penggubalan undang-undang sebelum merdeka?

	Badan	Penggubalan undang-undang
A	Majlis Kerja	Undang-undang Negeri-negeri Selat
B	Majlis Persekutuan	Undang-undang Negeri-negeri Melayu Bersekutu
C	Majlis Undangan Negeri	Undang-undang Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
D	Majlis Tertinggi	Undang-undang Negeri Sarawak

- 24 Rajah 2 berikut menunjukkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.



Rajah 2

Bagaimanakah kedudukan baginda di negeri-negeri tersebut?

- A Ketua Agama Islam
 B Penaung Menteri Besar
 C Ketua Angkatan Tentera
 D Penasihat Majlis Tertinggi
- 25 Apakah yang menghalang kuasa British di negeri Melayu sebelum Perang Dunia Kedua?
- A Perpaduan rakyat
 B Pemimpin agama
 C Penyatuan kaum
 D Pemerintahan beraja
- 26 Maklumat berikut berkaitan peranan Majlis Raja-Raja.

Majlis Raja-Raja berperanan sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi di negara kita

Bagaimanakah Majlis Raja-Raja melaksanakan peranan tersebut?

- A Mengesah pelantikan anggota Jemaah Menteri
 B Memberi nasihat berkaitan perantikan jawatan penting
 C Mempunyai kuasa budi bicara dalam pembentukan kerajaan
 D Memperkenan semua undang-undang yang diluluskan Parlimen

27 Mengapakah Kerajaan Persekutuan diperuntukkan kuasa lebih besar berbanding Kerajaan Negeri?

- I Mewujudkan keadilan
- II Mengukuh perpaduan
- III Menjamin kestabilan negara
- IV Meningkatkan kemajuan negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Gambar 5 berikut menunjukkan suasana mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri.



Gambar 5

Mengapakah mesyuarat tersebut dilaksanakan?

- A Melantik ketua kerajaan
- B Mengukuhkan kuasa pemerintahan
- C Menyeragamkan undang-undang negara
- D Menyelaras pelaksanaan dasar kerajaan

29 Antara berikut, apakah faktor-faktor yang berjaya merealisasikan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963?

- I Tuntutan
- II Konfrontasi
- III Rundungan
- IV Kesepakatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


30 Maklumat berikut berkaitan reaksi pembentukan Malaysia.

Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia bertindak mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia pada 20 Januari 1963.

Apakah alasan yang membawa kepada tindakan tersebut?

- A Mendakwa Sabah miliknya
- B Mengancam kedudukan Indonesia
- C Mengagalkan gagasan Melayu Raya
- D Mengurangkan pengaruh orang Melayu

31 Garis masa berikut merujuk kepada operasi ketenteraan di Sarawak.



Mengapakah operasi tersebut dilancarkan?


- A Menghalang pengaruh asing
- B Membendung kemasukan PATI
- C Membanteras ancaman komunis
- D Menyekat perkembangan ideologi

32 Rancangan Malaysia Pertama telah dilaksanakan dari tahun 1966 hingga 1970. Apakah isu ekonomi yang perlu ditangani oleh kerajaan dalam melaksanakan rancangan tersebut?

- I Kejatuhan harga bahan mentah
- II Kebergantungan pada eksport getah
- III Kemerosotan kemasukan pelabur asing
- IV Ketidaksamarataan agihan modal saham

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 33 Mengapakah hubungan kaum menjadi sukar semasa penjajahan British?
- A Rusuhan kaum
 - B Perbezaan ideologi kaum
 - C Infrastruktur yang terhad
 - D Kegiatan ekonomi berbeza
- 34 Mengapakah rakyat Malaysia perlu menghayati Rukun Negara?
- A Untuk memupuk integrasi nasional
 - B Untuk melahirkan rakyat yang berilmu
 - C Untuk mengatasi masalah jurang ekonomi
 - D Untuk mengeratkan perpaduan antara kaum
- 35 Apakah tujuan Rancangan Buku Hijau diperkenalkan pada 20 Disember 1979?
- A Meningkatkan taraf hidup
 - B Penggunaan tanah sepenuhnya
 - C Melahirkan tenaga kerja mahir
 - D Membangunkan bidang perindustrian
- 36 Gambar 6 berikut merupakan pertanian pintar.



Gambar 6

- Apakah kebaikan penggunaan teknologi moden dalam bidang pertanian?
- A Membaiki kemudahan
 - B Meningkatkan pengeluaran
 - C Meningkatkan eksport negara
 - D Meningkatkan taraf hidup rakyat
- 37 Apakah matlamat penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1945?
- A Mengharumkan nama negara
 - B Mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia
 - C Membina semangat setia kawan negara anggotanya
 - D Memupuk kerjasama bidang ekonomi antarabangsa

- 38 Dasar Aparteid menjadi isu penting yang menarik perhatian Komanwel. Malaysia turut lantang menentang dasar ini.

Mengapakah Malaysia menentang Dasar Aparteid?

- A Mengancam keamanan dunia
- B Mengancam kedudukan sistem beraja
- C Menyalahgunakan hak asasi manusia
- D Bertentangan dengan prinsip Rukun Negara

- 39 Gambar 7 berikut merupakan Pulau Sipadan.



Gambar 7

Bagaimanakah isu pertindihan sempadan dapat diselesaikan?

- A Majlis Raja-Raja
- B Mahkamah Antarabangsa
- C Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- D Perundingan antara Malaysia dengan Singapura

- 40 Bagaimanakah Tun Dr. Mahathir Mohamad menangani kemelesetan ekonomi Malaysia pada tahun 1997 – 1998?

- A Bantuan negara Komanwel
- B Pinjaman wang daripada Bank Dunia
- C Menambat kadar pertukaran ringgit (RM)
- D Pelan perancangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)